

12 NOV 2001

Deepavali-Perutusan

PERPADUAN KUNCI KEJAYAAN, KATA SAMY VELLU

KUALA LUMPUR, 12 Nov (Bernama) -- Rakyat Malaysia tidak harus mengorbankan perpaduan di kalangan pelbagai kaum di negara ini yang telah dipertahankan sejak tiga dekad lepas, kerana hanya melalui perhubungan baik antara kaum telah membolehkan negara maju dan mencapai kemakmuran bagi rakyatnya.

Presiden MIC dan Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu berkata rakyat Malaysia perlu meneruskan kesinambungan perpaduan yang wujud di kalangan pelbagai kaum di negara ini bagi pembangunan rakyat dan negara secara keseluruhannya.

"Sejak mencapai kemerdekaan, perpaduan merupakan tunggak utama dan perpaduan ini perlu dipertahankan walau apa pun yang terjadi," katanya dalam perutusan Deepavali beliau.

Beliau berkata rakyat perlu memanfaatkan sambutan perayaan itu dengan memperbetulkan kesilapan yang dilakukan pada sambutan tahun lepas serta tidak mengulangi kesilapan itu dan pada masa yang sama mengekalkan pencapaian baik.

"Sempena sambutan perayaan ini, semua rakyat Malaysia patut berterima kasih kepada kerajaan dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana memastikan keamanan dan kemakmuran wujud di negara ini," katanya.

"Rakyat gembira kerana kerajaan dan kepimpinan Dr Mahathir...kakitangan kerajaan telah mendapat bonus mereka manakala kegawatan ekonomi dunia telah membawa kerosakan minimum kepada rakyat. Kita patut berterima kasih kepada setiap orang yang telah bekerja kuat bagi membolehkan kita berada dalam keadaan yang selesa ini," kata Samy Vellu.

Sementara itu, Presiden Parti Progresif Malaysia (PPP) Senator Datuk M. Kayveas berkata rakyat Malaysia amat bertuah kerana walaupun keadaan politik dan ekonomi dunia suram dan tidak menentu, Malaysia masih dapat memelihara kestabilan ekonomi, politik dan sosialnya.

"Kerajaan kita telah berjaya mengekalkan perpaduan rakyat berbilang kaum dan membolehkan agenda pembangunan negara dilaksanakan dengan lancar," katanya dalam perutusan Deepavali.

Katanya perayaan Deepavali yang disambut oleh seluruh rakyat Malaysia menggambarkan semangat perpaduan rakyat yang telah dipupuk sejak kemerdekaan negara.

"Langkah Malaysia membina kecemerlangan mengikut cara tersendiri adalah lebih bermakna lebih-lebih lagi bila cara pengurusan negara kita diiktiraf oleh kuasa-kuasa dunia," katanya.

Beliau berkata langkah kerajaan mengiktiraf Deepavali sebagai satu daripada perayaan utama di peringkat nasional bertepatan dengan cita-cita serta aspirasi rakyat Malaysia untuk mewujudkan satu bangsa Malaysia yang bersatu dan maju.

"Justeru itu, Deepavali tidak lagi dimiliki sepenuhnya oleh masyarakat India yang beragama Hindu. Rakyat Malaysia sama-sama berhak mengucapkan salam Deepavali dan merayakannya dalam suasana aman dan harmoni," kata Kayveas.

Presiden Cuepacs Datuk N. Siva Subramaniam pula dalam perutusannya berkata rakyat Malaysia harus berasa syukur kerana dapat merayakan Deepavali dalam keadaan aman dan damai.

"Rakyat Malaysia harus berdiri teguh menentang keganasan. Mereka harus menggunakan perayaan ini untuk berkunjung satu sama lain kerana berbagai-bagai perayaan yang dirayakan di negara ini memberi kita peluang

untuk berbuat demikian," katanya.

Beliau berkata, tidak dapat dinafikan bahawa perpaduan kaum dan pelbagai perayaan di Malaysia memberi peluang kepada rakyat membaharui keazaman untuk terus bersatu padu dan berbakti kepada negara.

Katanya pemberian bonus untuk kakitangan kerajaan sebelum Deepavali dan Hari Raya membuktikan bahawa kerajaan cukup adil.

"Kerajaan sanggup membantu rakyat tak kira keturunan semasa menghadapi perayaan. Kita harus menghargai jasa kerajaan ini," katanya.

Setiausaha agung sementara Parti Reformasi Rakyat Malaysia (PRIM) P. Uthayakumar berkata rakyat Malaysia perlu memanfaatkan perayaan itu untuk menjalin persefahaman dan semangat setiakawan lebih baik antara pelbagai masyarakat.

"Diharapkan akan wujud rasa hormat, maruah, keadilan dan hak asasi manusia bersama bagi semua rakyat Malaysia," katanya.

Sementara itu, pengerusi kebangsaan DAP Lim Kit Siang mengucapkan Selamat Hari Deepavali kepada semua rakyat Malaysia yang beragama Hindu dengan menyatakan pelan tindakan empat perkara diperlukan bagi memerangi "kegelapan di Malaysia yang menjadi punca kemiskinan orang India di sini."

"Benarkan rakyat Malaysia beragama Hindu dan semua rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa bersatu pada perayaan Deepavali tahun ini dalam memerangi dan menangani kegelapan yang terdapat dalam masyarakat Malaysia, terutamanya India, sama ada berpunca daripada kemiskinan, pengabaian, ketidakseimbangan sosial dan bentuk-bentuk lain pencabulan hak asasi manusia," katanya.

Setiausaha agung DAP Kerk Kim Hock dalam perutusannya berkata rakyat Malaysia perlu tabah dalam iltizam mereka untuk mengekalkan corak demokrasi sekular di negara ini.

"Untuk berbuat demikian kita perlu secara berani menentang dan menolak mereka yang mahu menafikan masyarakat majmuk yang dibina berlandaskan pelbagai agama, pelbagai budaya dan pelbagai kaum," katanya.

-- BERNAMA  
SR AFY RHM